

SULIT *

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH NEGERI MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA

Arahan kepada calon :

Jawab empat soalan sahaja : dua soalan daripada **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak

© Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Negeri Melaka 2011

STPM 940/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah
SULIT*

Bahagian A

Jawab dua soalan sahaja.

1. Bincangkan peranan sungai dalam pembentukan dan perkembangan tamadun awal dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai daripada tamadun awal manusia [25 M]
2. Bincangkan proses pembentukan Negara Bangsa England dan Perancis serta faktor-faktor yang membawa kepada kelahiran Negara bangsa Eropah [25 M]
3. Huraikan sumbangan Kautilya dalam bidang ketenteraan pada zaman India Klasik [25 M]
4. Bincangkan sumbangan Tamadun Yunani, Rom dan Mesir dalam bidang undang-undang [25 M]
5. Huraikan faktor-faktor yang mendorong kegiatan penerokaan dan penjelajahan bangsa Portugis serta aktiviti penerokaan dan penjelajahan mereka pada abad ke15 Masihi [25 M]
6. Huraikan sumbangan Hammurabi dalam pembentukan dan pengukuhan Empayar Babylon [25 M]
7. Bandingkan struktur organisasi sosial masyarakat Tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba [25 M]
8. Bandingkan dasar pendidikan yang terdapat dalam sistem pendidikan di Negara Kota Athens dan Sparta [25 M]

Bahagian B

Jawab dua soalan sahaja.

9. Bincangkan usaha-usaha dakwah Nabi Muhammad SAW di kota Makkah serta sebab-sebab berlakunya penentangan kaum Quraisy ke atas dakwah baginda [25 M]
10. Khalifah Uthman B. Affan sering menjadi sasaran tuduhan Orientalis Barat sebagai Khalifah yang lemah dan tidak berwibawa. Bincangkan [25 M]
11. Bincangkan faktor-faktor termeterainya Perjanjian Hudaibiyyah dan implikasinya [25 M]
12. Jelaskan peranan zakat dalam Islam serta perlaksanaannya pada zaman Nabi Muhammad SAW hingga zaman Bani Umayyah [25 M]
13. Bincangkan perkembangan sistem pendidikan pada zaman Khulafah al-Rasyidin [25 M]
14. Bincangkan faktor-faktor yang membawa kemunculan mazhab dalam Islam dan kesannya [25 M]
15. Bincangkan perkembangan dan fungsi seni khat dalam Tamadun Islam [25 M]
16. Bandingkan matlamat penerokaan dan penjelajahan antara masyarakat Islam dan Barat abad ke 15 hingga 16 Masihi [25 M]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

Kod Kertas: **940/1**



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
NEGERI MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2011**

SKEMA PEMARKAHAN

**SEJARAH
KERTAS 1
(TAMADUN DUNIA HINGGA TAHUN 1800)**

PERINGATAN :

*Skema pemarkahan ini adalah khas untuk kegunaan pemeriksa dan **tidak boleh** dikemukakan kepada pihak yang tidak berkenaan.*

Skema ini terdiri daripada 35 halaman bercetak.

© Hakcipta Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Negeri Melaka 2011

1. Bincangkan peranan sungai dalam pembentukan dan perkembangan tamadun awal dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai daripada tamadun awal manusia.

Pengenalan [3 M]

- Sifat manusia menginginkan kehidupan yang selesa dan memilih kawasan yang baik untuk diri dan keluarga
- Zaman Paleolitik awal menjadikan sungai sebagai tempat untuk menangkap ikan selain memburu binatang dan memungut hasil hutan
- Zaman Neolitik mendirikan petempatan berhampiran dengan sumber air yang berhampiran dengan sumber air yang diperlukan untuk pertanian dan ternakan
- Sejarah membuktikan tamadun awal terbentuk di lembah-lembah sungai yang subur seperti Tamadun Mesopotamia diantara Sungai Tigris dan Sungai Eupharates, Tamadun Mesir di Sungai Nil, Tamadun Indus di Sungai Indus dan Tamadun Hwang Ho di Sungai Hwang Ho

Isi-isi penting [5 isi X 4 M = 20 M]

1 Sungai sebagai sumber ekonomi asas

- Sungai sebagai tempat sumber protein yang utama seperti ikan dan udang
- Manusia awal bertumpu dikawasan pinggir sungai
- Sungai yang besar mampu untuk menampung keperluan sebuah populasi yang besar
- **Sungai juga membekalkan keperluan asas seperti air minuman, memasak dan sebagainya**

2 Lembah sungai sebagai kawasan pertanian yang subur

- Di pinggir-pinggir sungai Indus dan Tigris terdapat lapisan tanah alluvium yang sangat subur sesuai untuk kegiatan pertanian
- Kedua-dua sungai yang panjang itu menyediakan kawasan pertanian yang sangat luas sehingga boleh menampung satu populasi yang besar
- Dikawasan pinggir-pinggir sungai yang subur inilah,petak-petak sawah dibina dan penanaman padi menjadi mudah

3 Sungai sebagai sumber bekalan air untuk pertanian

- Sungai Indus, Tigris ,Eupharates,Nil dan Hwang Ho mampu untuk membekalkan air untuk pertanian dalam saiz yang besar
- Kegiatan pertanian dapat dilakukan dengan lebih intensif
- Dengan adanya teknologi pembuatan empangan dan juga parit-parit membolehkan air mengalir masuk ke dalam petak-petak sawah secara mudah

4 Sungai sebagai jalan perhubungan yang utama

- Pusat-pusat petempatan yang tertumpu di pinggir-pinggir sungai menjadikan penduduknya sangat bergantung kepada sungai sebagai jalan perhubungan
- Masyarakat purba di Mesopotamia dan Indus telah mencipta alat pengangkutan sungai yang bermula daripada rakit kemudian berkembang kepada perahu
- Perahu kecil seterusnya pembinaan kapal untuk membawa hasil-hasil pertanian merka dari kawasan pedalaman ke pusat-pusat perdagangan dan juga untuk dieksport

5 Lembah sungai sebagai sumber tanah liat

- Tanah liat sebenarnya merupakan unsur penting dalam kemunculan Tamadun Mesopotamia dan Tamadun Lembah Indus

- Masyarakat dikedua-dua pusat tamadun ini mencipta pelbagai peralatan terutamanya tembikar tanah yang berperanan besar dalam kehidupan manusia zaman itu
- Melalui tanah liat juga penduduk Mesopotamia dan Indus telah mencipta sistem tulisan yang digambarkan dalam kepingan-kepingan tanah liat buktinya terdapat cop mohor kerajaan
- Tanah liat juga merupakan bahan utama untuk pembuatan batu bata seperti mana yang terdapat dalam tamadun Mesir purba dan Indus

6 Lembah sungai mempunyai bentuk muka bumi yang beralun dan rata

- Bentuk muka bumi yang bertanah pamah dan rata amat sesuai untuk membina petempatan mereka
- Mempunyai iklim yang berkelembapan tinggi yang sesuai untuk didirikan petempatan
- Mempunyai padang ragut yang luas sesuai untuk melepaskan binatang ternakan

7 Sungai tempat melakukan upacara ritual

- Masyarakat tamadun awal percaya bahawa sungai adalah tempat tinggal dewa-dewi dan roh suci
- Melakukan upacara ritual seperti upacara korban yang dilakukan oleh masyarakat tamadun Hwang Ho untuk menyembah roh nenek moyang sebelum melakukan sesuatu pekerjaan bagi memohon restu

Kesimpulan [2 M]

Daripada keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa pembentukan dan perkembangan sesuatu tamadun sangat bergantung kepada sumber alam semulajadi terutamanya sungai.

2. Bincangkan proses pembentukan Negara Bangsa England dan Perancis serta faktor-faktor yang membawa kepada kelahiran Negara bangsa Eropah

Pengenalan (3 markah)

- Negara bangsa merujuk kepada sebuah Negara yang bebas daripada konsep empayar dan mempunyai pemerintahan sendiri, bahasa kebangsaan, sempadan wilayah, dan hak untuk menggubal undang-undang sendiri
- Negara bangsa di Eropah terbentuk melalui kemunculan dinasti, keluarga baru dan perkahwinan diraja. Antara Negara awal di Eropah ialah England, Perancis, Sepanyol dan Portugal

Isi-isi penting (20 markah)

Pembentukan Negara bangsa Perancis (2 isi X 2 = 4 markah)

- Di Perancis, monarki kebangsaan diwakili oleh Raja Lois XI daripada keluarga Volois
- Baginda membina pasukan tentera diraja dan menjinakkan golongan bangsawan yang memberontak
- Golongan Jeneral Perancis hanya bertemu sekali sahaja dalam zaman pemerintahannya
- Ahli-ahli dewan bersetuju raja memerintah tanpa campurtangan mereka
- Monarki Perancis juga meluaskan kekuasaan mereka ke atas gereja. Pope menerima pendapatan daripada badan gereja Perancis
- Raja melantik pemimpin agama. Dengan ini raja dapat mengawal kuasa gereja.

Pembentukan Negara Bangsa England (3 isi X 2 = 6 markah)

- Terbentuk dengan kemunculan Dinasti Tudor [1485- 1603 M]
- Henry VII menaiki takhta dengan berakhirnya Perang Bunga Ros
- Dalam perang ini Raja Henry VII Berjaya mengalahkan keluarga bangsawan dan meluluskan undang-undang yang membendung pengaruh golongan bangsawan. Antaranya menentang pemakaian khas, melarang pengekalan tentera persendirian, dan melarang pemakaian lambang kuasa sendiri
- Menggunakan Majlis Raja untuk mengawal keamanan Negara. Langkah ini membolehkan Raja Henry VII membentuk Negara bangsa yang kukuh

Faktor-faktor kelahiran Negara Bangsa (5 isi X 2 = 10 markah)

a. Kemerosotan Sistem Feudal

- Golongan bagsawan mempunyai pengaruh dalam sistem feudal. Lama-kelamaan pengaruh mereka merosot menyebabkan menyebabkan raja tidak lagi bergantung kepada mereka
- Raja boleh berhubung terus dengan rakyat. Perubahan ini telah menyebabkan rakyat mula memberikan taat setia kepada raja dan tidak lagi kepada golongan bangsawan
- Raja Henry VII di England telah menggubal undang-undang baru yang melarang golongan feudal memakai pakaian khas dan melarang penubuhan tentera sendiri, larangan memiliki lambang kuasakah dan sebagainya

b. Pemberian Anugerah dan Gelaran Kepada Golongan Bangsawan

- Walaupun pengaruh golongan bangsawan semakin berkurangan tetapi raja masih merasa sangsi dengan golongan bangsawan

- Justeru untuk mendapatkan sokongan golongan bangsawan, raja telah memberikan anugerah kepada golongan itu seperti Duke, Earl, Baron, dan Count
- Ini membolehkan raja mengukuhkan kuasa mereka sehingga melahirkan sebuah Negara bangsa

c. Bahasa Kebangsaan

- Penciptaan mesin cetak pada zaman Renaissance telah memusatkan lagi bidang penulisan dalam kalangan cerdik pandai
- Karya dicetak dalam bahasa kebangsaan dan berjaya menyatukan rakyat

d. Perkembangan dalam Bidang Perdagangan dan Perindustrian

- Para pedagang dan pengusaha memerlukan perlindungan daripada sebuah kerajaan yang kuat dan berkesan
- Golongan ini sanggup membayar cukai dan menyokong sesiapa sahaja yang boleh memenuhi kehendak mereka
- Ada dalam kalangan raja yang Berjaya mengumpulkan banyak wang melalui dasar percuakan
- Hal ini membolehkan raja menggaji tentera dan pegawai perkhidmatan awam untuk memberikan perlindungan kepada golongan peniaga dan pengusaha

e. Sokongan Kelas Menengah dan Golongan Gereja

- Raja telah memberikan kebebasan bersuara dan mewujudkan bahasa kebangsaan di peringkat pusat kepada golongan menengah. Golongan ini berpuas hati
- Raja juga member peluang kepada golongan rakyat untuk memilih pemimpin gereja
- Langkah yang diambil ini berjaya mengatasi persaingan golongan gereja di samping mendapat taat setia daripada golongan rakyat biasa dan golongan bangsawan

f. Bermulanya Zaman Renaissance

- Zaman ini berlaku akibat pertembungan kebudayaan Yunani dengan Tamadun Islam
- Pertembungan ini menyebabkan orang Eropah mula mempersoalkan budaya lama mereka dan ingin sesuatu yang baru
- Pembaharuan yang dibawa oleh raja dalam bidang pentadbiran telah mendapat sokongan daripada rakyat

g. Kedaulatan Parlimen

- Rakyat dan golongan pertengahan boleh menentukan dasar pemerintahan yang dijalankan oleh raja
- Kemunculan Negara bangsa menyebabkan golongan feudal dan agama telah kehilangan kuasa tradisi mereka

Kesimpulan (2markah)

Perkembangan yang berlaku di Eropah pada akhir Zaman Pertengahan mempengaruhi pembentukan dan perkembangan beberapa buah Negara bangsa di Eropah menjelang abad ke 15 Masihi.

3. Huraikan sumbangan Kautilya dalam bidang ketenteraan pada zaman India Klasik

Pendahuluan (3 markah)

- Kautilya merupakan seorang Brahmin dan menjadi Ketua Menteri kepada Chandragupta Maurya. Dikenali juga sebagai Chanakya atau Vishnugupta
- Karya yang dihasilkan adalah Arthashastra pada abad ke 3SM ini merupakan buku tentang ketatanegaraan dan ekonomi. Melalui karya ini ,Kautilya telah mengemukakan pelbagai strategi dan kaedah dalam perang.

Isi-isi penting (5 isi X 4 = 20 markah)

1. Arthashastra menegaskan untuk menghadapi musuh, pendekatan bheda digunakan iaitu cara melaga-lagakan musuh dengan menimbulkan isu-isu sensitif
2. Menggunakan cara saman iaitu mencari perdamaian khususnya dengan Negara yang lemah kerana bermusuhan dengan Negara yang lemah merugikan masa.
3. Pemberian dana iaitu menggunakan kekerasan ke atas orang jahat dan musuh ketat kita
4. Kautilya memperkenalkan teori mandala. Menurutnya pemerintah mesti bijak menacri kawan dan berbaik-baik dengan musuh Negara yang akan diperangi. Apabila perang berlaku sudah tentulah musuh tersebut akan membantu kita
5. Arthashastra mencadangkan supaya pemerintah mewujudkan badan pengintipan untuk mencari rahsia dan menyampaikan maklumat kepada pemerintah
6. Kautilya turut menegaskan bahawa dunia ini penuh dengan kejahanatan. Jadi orang yang kuat tidak pernah berasa belas kasihan kepada orang yang lemah
7. Raja yang bersikap jujur dan bersympati kepada musuh dianggap bodoh kerana raja berkenaan akan mudah dikalahkan oleh musuh-musuhnya
8. Kautilya juga menyarankan supaya seseorang raja tidak mempercayai sesiapa termasuk anak dan isteri kerana mereka boleh menjadi agen kepada pihak musuh yang boleh menjatuhkan kuasa raja. Makanan raja hendaklah diuji terlebih dahulu kerana bimbang makanan itu mengandungi racun

Kesimpulan (2 markah)

Arthashastra merupakan sumber rujukan pemerintah untuk mengekalkan kuasa raja dan melaksanakan strategi perang. Buku ini masih relevan hingga kini. Peranan pemikir ketenteraan turut memasyurkan sesebuah tamadun.

4. Bincangkan sumbangan Tamadun Yunani, Rom dan Mesir dalam bidang undang-undang

Pengenalan (3 markah)

Undang-undang merupakan satu peraturan yang ditentukan oleh pihak pemerintah bagi mengawal masyarakat. Tujuan utama undang-undang dibuat bagi memastikan setiap tindakan yang dilakukan oleh rakyat tidak menggugat keamanan Negara.

Isi-isi penting

Yunani (3 isi X 2 = 6 markah)

- Mementingkan sistem demokrasi dilaksanakan
- terdapat beberapa institusi dalam mentadbir kerajaan:
 - a. Dewan Perhimpunan merupakan badan perundangan yang mempunyai kawalan penuh ke atas pentadbiran dan kehakiman.
 - b. Majlis mengendaikan urusan, membincangkan hal-hal penting dan melaksanakan keputusan dewan Perhimpunan.
 - c. Majistret dan juri merupakan badan yang melaksanakan dasar-dasar kerajaan kerajaan yang diputuskan oleh Majlis.
 - d. Sesuatu keputusan dibuat berdasarkan sistem pendapat dan suara ramai.
 - e. Solon merupakan tokoh undang-undang Greek yang melaksanakan asas Demokrasi di Kota Athens

Rom (4 isi X 2 = 8 markah)

- rujukan kepada konsep undang-undang moden
- menyumbang istilah-istilah dalam bidang undang-undang dunia hari ini dan istilah-istilah itu masih diguna pakai
- undang-undang Papan Dua Belas meruapkan undang-undang terkenal
- perkembangan empayar Rom telah membahagikan undang-undang kepada tiga bahagian iaitu:
 - a undang-undang Sivil
 - b Undang-undang Rakyat
 - c Undang-undang Semula jadi
- pada tahun 527 SM semua undang-undang disatukan dan dikenali sebagai Code Of Roman Law

Mesir (3 isi X 2 = 6 markah)

- bertujuan untuk memelihara hak asasi manusia dan keamanan Negara
- hukuman berdasarkan jenis kesalahan
- Firaun merupakan kuasa tertinggi dalam pentadbiran undang-undang
- Terdapat mahkamah Agung dan Mahkamah Wazir

Kesimpulan (2 markah)

Jelas bahawa undang-undang memainkan peranan penting dalam masyarakat. Perbezaan undang-undang daripada keiga-tiga tamadun ini menunjukkan bahawa sesuatu undang-undang itu dilaksanakan bergantung kepada keadaan sesuatu tempat

5. Huraikan faktor-faktor yang mendorong kegiatan penerokaan dan penjelajahan bangsa Portugis serta aktiviti penerokaan dan penjelajahan mereka pada abad ke15 Masihi

Pengenalan (3 M)

- Penjelajahan dapat diertikan sebagai tindakan atau usaha manusia untuk mengelilingi atau berjalan ke merata-rata tempat termasuk daerah, wilayah atau dunia. Ia berkait-rapat dengan tindakan atau aktiviti dengan tujuan penyelidikan atau mencari ilmu pengetahuan.
- Penerokaan pula merupakan satu tindakan atau aktiviti untuk mencari sesuatu yang baru. Dalam konteks ini, penerokaan dapat dikaitkan dengan usaha untuk mencari dan membuka kawasan-kawasan yang baru.
- Penjelajahan dan penerokaan kuasa-kuasa barat secara besar-besaran bermula pada abad ke-15 dan ke-16.
- Kuasa barat yang mempelopori kegiatan ini ialah bangsa Portugis. Orang Portugis melakukan banyak pelayaran ke merata tempat pada abad ke-15. Mereka berjaya menyeberangi Selat Gibraltar dan menakluki pantai barat Afrika. Terdapat banyak faktor yang menggalakkan bangsa Portugis melakukan kegiatan penjelajahan dan penerokaan.

Isi-Isi Penting (10 x 2 M = 20 M)

A. Faktor-faktor Penjelajahan dan Penerokaan Portugis (5 x 2 M = 10 M)

1. Pengaruh Renaisans

- Zaman Renaisans yang bermula pada kurun ke-13 menggalakkan munculnya semangat inquiri atau ingin tahu terutamanya tentang hal wujudnya tanah-tanah di luar Eropah yang belum diterokai
- Semangat Renaisans juga mengubah pandangan dunia (world view) orang-orang Eropah. Pada dulunya, perspektif mental mereka adalah berdasarkan pandangan bahawa Eropah bertumpu pada Jerusalem dan Lautan Mediterranean.
- Dunia pada masa itu dianggap terdiri daripada Asia, Eropah, dan Afrika yang mengelilingi Lautan Mediterranean.
- Pengetahuan baharu tentang China melalui Marco Polo telah mencetus semangat baru untuk memperluaskan pengaruhnya.

2. Pengetahuan Tentang Dunia Luar

- Cerita-cerita mengenai dunia luar oleh peneroka dan pengembara terdahulu seperti Marco Polo, Odoric Perdanone dan Lidicivo Verthema turut menjadi pendorong.
- Maklumat baru misalnya didapati daripada "The Travels of Marco Polo". Buku ini diterjemahkan dalam beberapa bahasa seperti Latin, Sepanyol, German dan Inggeris.
- Selain itu, terdapat penyelidikan dalam bidang geografi dan pelayaran yang ditaja oleh raja-raja yang mementingkan penerokaan maritim.
- Muncul juga segolongan ahli kartografi dan hidrografi yang menghasilkan peta yang jauh lebih tepat daripada peta Ptolemy.
- Mitos tentang Prester John yang diidentifikasi sebagai Raja Ethopia juga mendorong penjelajahan dan penerokaan Portugis.

3. Memecahkan Monopoli Perdagangan oleh Saudagar Itali dan Islam

- Menjelang abad ke-15, permintaan untuk barang dari timur seperti rempah-ratus, ubat-ubatan dan kapas melebihi perbekalan.
- Pedagang Islam dan Itali menguasai perdagangan dengan timur dan meraih keuntungan yang besar dengan menjual barang tersebut pada harga yang tinggi di pasaran Eropah.
- Selain itu, penguasaan Turki ke atas Constantinople dan wilayah-wilayah lain di Timur Dekat menyebabkan kota-kota Itali seperti Venice, Genoa dan Pisa kehilangan banyak pangkalan perdagangan. Bekalan barang timur juga tidak tetap.

- Oleh itu, negara-negara bangsa khususnya Portugal mencari jalan ke timur untuk memperoleh barang tersebut pada harga yang rendah dan memecahkan monopoli saudagar-saudagar Islam.

4. Menyebarluaskan Agama Kristian

- Penjelajahan dan penerokaan juga didorong oleh hasrat untuk menyebarluaskan agama Kristian.
- Raja-raja Eropah dan paderi Krisrian bercita-cita untuk mengembangkan agama Kristian di luar Eropah iaitu Asia, Afrika dan Amerika setelah berjaya menembusi benua Eropah.
- Di samping itu, terdapat juga kepercayaan bahawa Prester John, seorang tokoh lagenda Kristian menubuhkan kerajaan di Asia atau Afrika.
- Pemerintah-pemerintah Eropah menghantar mesej untuk menjalinkan hubungan Prester John dan menyekat penyebaran agama Kristian di timur.

5. Perlumbaan Antara Negara Bangsa

- Negara-negara bangsa seperti Portugal, Sepanyol, England dan Perancis bersaing untuk meneroka kawasan baharu di benua Asia, Afrika, dan Amerika bagi mendapatkan bahan mentah dan pasaran baru barang siap mereka.
- Para pemerintah juga memberikan galakan berupa gelaran dan hadiah yang lumayan kepada para peneroka.

6. Perkembangan Kapitalisme dan Merkantalisme

- Perkembangan ekonomi kapitalisme menggalakkan kegiatan pengumpulan modal, hak milik persendirian dan persaingan dalam perniagaan.
- Raja-raja negara bangsa mempelopori perkembangan kapitalisme dengan tujuan mengaut kekayaan dan mengukuhkan kedudukan mereka.
- Perkembangan kapitalisme menyebabkan negara-negara bangsa mengamalkan dasar merkantalisme yang menekankan dasar mengumpul kekayaan, menambah kekuasaan dan menjaga kebijakan penduduk tempatan.
- Oleh itu, raja-raja negara bangsa berlumba-lumba untuk mengumpul kekayaan dan mendapat keuntungan melalui pelaburan di kawasan-kawasan baru dengan cara memberi galakan dan menaja pelayaran ke seberang laut seperti yang dilakukan oleh Putera Henry dari Portugal.

7. Kemajuan dalam Teknologi Pelayaran

- Kemajuan dalam penemuan-penemuan baru seperti carta pelayaran(peta), kompas, reka bentuk kapal dan astrolab juga mendorong penerokaan dan penjelajahan.
- Dalam pembinaan kapal, orang Portugis mempunyai kemahiran membina kapal-kapal jenis Caravel seberat 2000 ton. Kapal-kapal ini juga kuat dan mempunyai keupayaan mengharungi laut luas.

8. Perang Salib

- Perang Salib memberi peluang kepada bangsa Eropah mempelajari tamadun dan kebudayaan Timur dalam pelbagai bidang seperti astronomi, matematik, sains dan perubatan dari dunia Islam.
- Keadaan melahirkan bangsa Eropah yang berfikiran terbuka, mempunyai cara pemikiran yang baru serta gaya hidup yang suka bersiar-siar dan belayar.
- Perang Salib juga membuka Eropah kepada dunia Timur dan memperoleh barang berharga dari Timur yang dikuasai oleh saudagar-saudagar Arab.
- Penaklukan wilayah Islam di Sepanyol telah menyebabkan ilmu pelayaran Islam sampai kepada masyarakat Eropah dan membantu mereka menjelajah dunia luar.

B. Aktiviti Penjelajahan dan Penerokaan Portugis ($5 \times 2 M = 10 M$)

1. Putera Henry

- Menubuhkan sekolah pelayaran untuk melatih pelayar-pelayar Portugal belayar dan berjaya menakluki kepulauan Madeira, Azores, dan belayar sepanjang pantai ke selatan benua Afrika.
- Kapten-kapten yang dihantar oleh Putera Henry terlibat dengan perdagangan hamba yang menguntungkan. Menjelang tahun 1460 M Portugis berjaya menguasai pelabuhan-pelabuhan dari Madeira ke Cape Verda.

2. Diego Cam dan Bartholomew Diaz

- Diego Cam belayar sejauh 1400 batu sepanjang pantai barat Afrika antara tahun 1482-1484 M.
- Pada 1487 M, Bartholomew Diaz memulakan pelayaran dengan tiga buah kapal dan berjaya mengelilingi Tanjung Pengharapan.

3. Vasco da Gama

- Vasco da Gama melancarkan ekspedisi ke Timur dengan empat buah kapal seberat 120 tan dan 180 orang pelaut.
- Pada 1497 M, Vasco da Gama berjaya mengelilingi Tanjung Pengharapan dan belayar sepanjang pantai timur Afrika hingga ke Malindi.
- Dari Malindi, beliau merentasi Lautan Hindi dengan bantuan pelayar Arab, Ibnu Majid dan sampai ke Calicut, India pada 1498 M. Seterusnya beliau kembali ke Lisbon pada 1498 M dengan kapal yang sarat dengan muatan berharga dari timur.

4. Francisco d'Almedia

- Pada 1504 M, Francisco d'Almedia dilantik sebagai wizurai Portugis. Beliau telah memulakan usaha-usaha menguasai jalan perdagangan dan menghapuskan monopoli perdagangan rempah oleh saudagar-saudagar Islam.

5. Alfonso d'Albuquerque

- Pada 1505 M, Alfonso d'Albuquerque dilantik sebagai wizurai. Beliau menjadikan Goa sebagai pusat pentadbiran. Dari Goa, Portugis mengatur gerakan untuk menguasai jalan perdagangan ke Asia Tenggara yang terkenal sebagai pusat pengeluaran rempah.

6. Lopez de Squera

- 11 September 1508 M, satu angkatan Portugis yang diketuai oleh Lopez de Squera tiba di Melaka. Angkatan ini berundur dari Melaka setelah mengetahui rancangan Melaka menyerang mereka atas hasutan pedagang-pedagang Gujerat.
- Pada 1511 M, Portugis berjaya menakluk Melaka. Selepas itu, usaha-usaha dilakukan untuk menguasai kepulauan Maluku.
- Setelah menguasai kepulauan rempah, Portugis tiba di Canton pada 1517 M dan mengasaskan tanah jajahannya di Macau.
- 1542 M, Portugis berjaya mengasaskan pusat perdagangan di Jepun.
- Seterusnya Portugis berjaya menubuhan pangkalan di Afrika dan Amerika Selatan.

Kesimpulan (2 M)

- Kekayaan dan kemakmuran yang diperolehi oleh Portugis melalui perdagangan dengan Timur menyebabkan kuasa-kuasa Barat lain seperti Sepanyol, Belanda, Perancis dan Inggeris menghantar angkatan tentera mereka ke Timur.
- Kehadiran kuasa-kuasa barat ini telah mengubah lanskap politik, ekonomi dan sosial masyarakat di timur.

6. Huraikan sumbangan Hammurabi dalam pembentukan dan pengukuhan Empayar Babylon

Pengenalan (3 markah)

- Empayar Babylon diasaskan oleh Sumu Abum, seorang ketua kaum Amorite pada tahun 1892SM. Empayar ini mencapai zaman kegemilangan semasa pemerintahan Hammurabi 1792SM-1750SM
- Hammurabi berjaya mewujudkan keamanan, memperkenalkan kod Undang-Undang dan mengasaskan sistem pentadbiran yang teratur. Semasa perintahannya Babylon menjadi sebuah empayar yang besar dan terkenal.

Isi-isi Penting (5 isi X 4 = 20 markah)

1. Dasar Perluasan Kuasa

- Hammurabi menubuhkan empayar yang besar melalui dasar perluasan kuasa yang agresif. Beliau melancarkan ekspedisi ketenteraan untuk meluaskan pengaruh dan kekuasaan Babylon
- Antara kempen ketenteraan yang dilancarkan termasuklah kempen menawan Isin dan mara ke selatan hingga Uruk pada tahun 1786SM, kempen menguasai Malgium ibu kota daerah Emutbal pada tahun 1785 dan 1782SM, kempen menawan Rapiqum pada tahun 1781SM, kempen menyerang Larsa dan menewaskan pakatan tentera Gutti, Elam Assyria dan Eshnunna pada tahun 1756SM

2. Sistem Pentadbiran

- Hammurabi telah mewujudkan sistem pentadbiran pusat yang kukuh. Beliau melaksanakan dasar kekerasan dan kesederhanaan dalam menangani masalah dalam dan luar Negara
- Beliau melantik Gabenor (ensi) untuk mentadbir wilayah. Gabenor Wilayah dikawal ketat dan segala tindakan mereka akan dilaporkan kepada kerajaan pusat
- Beliau menubuhkan assembly Of Elders diperingkat wilayah untuk memungut cukai dan mengendalikan kes-kes kecil

3. Ketenteraan

- Hammurabi mempunyai struktur organisasi ketenteraan yang sistematik. Rekod pendaftaran askar yang lengkap akan disimpan dalam buku pendaftaran Negara
- Raja memberi pengecualian kepada individu-individu daripada menyertai kerahan tentera atas dasar perikemanusiaan. Anggota tentera yang melepaskan diri daripada perkhidmatan tentera tanpa melantik pengganti akan dikenakan tindakan tegas. Mengikut Kod Undang-Undang Hammurabi anggota tentera diberi hak-hak istimewa seperti kurniakan tanah yang tidak boleh dipindah milik dan binatang ternakan
- Terdapat juga undang-undang yang menghalang pegawai atasan daripada mengeksplotasikan anggota tentera. Taktik peperangan diperbaharui dengan penggunaan kereta kuda secara meluas

4. Perkembangan ekonomi

- Berlaku perkembangan ekonomi yang pesat dalam bidang pertanian, perdagangan, perindustrian dan perbankan. Kegiatan pertanian merupakan sumber ekonomi masyarakat Babylon. Peraturan berhubung aktiviti pertanian terdapat dalam kod undang-undang Hammurabi
- Kegiatan perdagangan juga berkembang pesat pada zaman ini. Pedagang (tamkaru) mengimport pelbagai jenis barang mewah dan bahan mentah untuk kegunaan istana dan rumah berhala. Kegiatan perdagangan, perindustrian dan perbankan dikawal oleh kerajaan

5. Perundungan

- Hammurabi memperkenalkan kod undang-undang yang dikenali sebagai Kod Hammurabi yang mengandungi 282 fasal meliputi perkara-perkara seperti perdagangan, perkahwinan, kekeluargaan, pertanian, pewarisan harta dan kesalahan jenayah
- Undang-undang Hammurabi menetapkan hukuman berat terhadap sesiapa yang cuba mengubah mana-mana bahagian dalam kod tersebut. Golongan hamba diberikan hak serta dilindungi oleh undang-undang Hammurabi. Undang-undang ini juga melindungi hak pengguna daripada ditipu oleh peniaga
- Undang-undang Hammurabi telah mewujudkan keamanan dalam empayar Babylon

6. Perkembangan Intelektual

- Dalam bidang matematik, sistem angka telah diperkenalkan. Terdapat dua sistem menulis angka iaitu sistem perpuluhan dan sistem perenam puluhan. Dua teks matematik dihasilkan iaitu *table text* dan *problem text*
- Bidang perubatan juga mengalami perkembangan pesat dan dikawal oleh kerajaan. Doktor diberi penghormatan yang tinggi. Doctor pakar dilantik untuk berkhidmat di istana. Kod undang-undang Hammurabi mengandungi Sembilan fasal tentang pembedahan

Kesimpulan (2 markah)

- Empayar Babylon mencapai kemuncak kegemilangan semasa pemerintahan Hammurabi (1792-1750SM). Hammurabi mewujudkan keadaan politik yang stabil serta keamanan dengan menukuhkan pentadbiran pusat dan wilayah yang kukuh. Beliau memberikan sumbangan dalam bidang ekonomi, politik sosial, perundangan dan perkembangan intelektual
- Empayar Babylon mengalami kemerosotan selepas kemangkatan Hammurabi. Pemberontakan berlaku di wilayah-wilayah jajahan yang ingin membebaskan diri daripada kerajaan pusat. Serangan orang Kassite telah menyebabkan empayar Babylon mengalami keruntuhan

7. Bandingkan struktur organisasi sosial masyarakat Tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba

Pengenalan (3 markah)

Pertambahan penduduk dan kepelbagaiannya aktiviti ekonomi telah membawa kepada proses pembahagian masyarakat yang lebih kompleks. Sistem sosial masyarakat tamadun awal selalunya berbentuk piramid dan bersusun lapis.

Isi-isi Penting (20 markah)

Susun lapis masyarakat Mesir Purba (5 isi X 2 = 10 markah)

- Secara umumnya susun lapis masyarakat Mesir boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kelas atasan, kelas menengah dan kelas bawahan
- Golongan atasan terdiri daripada Firaun dan keluarga diraja

Kelas atasan

- Firaun menduduki puncak tertinggi dalam organisasi masyarakat Mesir. Baginda merupakan raja berkuasa mutlak dan dianggap suci oleh masyarakat Mesir
- Firaun juga dianggap sebagai anak Tuhan Matahari iaitu Amon-re
- Keluarga firaun juga mempunyai keistimewaan dalam masyarakat Mesir. Mereka mendominasikan jawatan-jawatan penting dalam sistem pemerintahan
- Golongan pendeta dan bangsawan merupakan golongan menengah atas yang bertindak sebagai golongan pentadbir
- Antara tugas pendeta ialah mentadbir hal-hal berkaitan keagamaan seperti membaca jampi, memohon tanah menjadi subur dan menyembahyangkan roh orang yang mati
- Golongan pendeta mempunyai pengaruh yang besar dalam soal perlantikan firaun
- Golongan bangsawan pula berperanan sebagai wazir, pegawai istana dan pemungut cukai
- Antara tugas wazir ialah mengendalikan kes-kes di peringkat wilayah, mengawasi kerja-kerja pembinaan dan membaiki terusan, menjalankan banci sumber-sumber Negara, merekodkan kejadian banjir, menyediakan buruh paksa, menyambut duta serta menerima ufti

Kelas Pertengahan

- Terdiri daripada golongan tentera, pembantu raja, tukang-tukang mahir dan petani
- Golongan tentera yang berjaya dalam ekspedisi peperangan akan diberi beberapa keistimewaan seperti memiliki tanah, pangkat dan mendapat harta rampasan perang
- Pembantu raja pula berperanan sebagai tukang-tukang membuat tembikar, pekerja pengangkutan dan tugas utama mereka ialah membina piramid diraja.
- Golongan petani ramai jumlahnya dan kebanyakannya menanam gandum dan barli
- Dua pertiga daripada hasil para petani akan diserahkan kepada kerajaan sebagai cukai
- Kadang-kadang mereka dikerah menjadi buruh paksa untuk membina piramid

Kelas Bawahan

- Terdiri daripada hamba. Golongan yang tidak memiliki kebebasan dan kebanyakannya terdiri daripada tawanan perang
- Mereka memberikan perkhidmatan kepada semua golongan yang berada di atas mereka dalam susun lapis masyarakat Mesir.

Susun Lapis Masyarakat Mesopotamia (5 isi X 2 = 10 markah)

- Secara umumnya struktur sosial masyarakat Mesopotamia terbahagi kepada tiga lapisan iaitu golongan atasan, golongan menengah dan golongan bawahan

Golongan Atasan

- Terdiri daripada raja atau pendeta dan golongan bangsawan
- Mengikut kepercayaan masyarakat Mesopotamia, raja adalah wakil tuhan yang akan mentadbir Negara dengan adil dan saksama. Raja berperanan dalam bidang pemerintahan, ketenteraan dan keagamaan
- Golongan pendeta mendapat tempat dalam masyarakat Mesopotamia kerana sistem pemerintahan masyarakat Mesopotamia bersifat teokrasi iaitu tidak memisahkan unsur keagamaan dengan aspek kehidupan sehari-hari
- Golongan bangsawan membantu raja menjalankan pentadbiran. Antara jawatan golongan bangsawan ialah ketua pendeta, ketua tentera, gabenor wilayah, pembawa alat kebesaran raja dan sebagainya
- Golongan bangsawan tinggal di tanah milik raja atau tanah-tanah kurniaan raja kepada mereka

Golongan Menengah

- Terdiri daripada kalangan profesional. Golongan ini terdiri daripada golongan pedagang, doktor, ahli sifir, guru, jurutulis dan golongan artisan
- Golongan profesional diberi kebebasan dalam banyak perkara dan tidak diwajibkan berkhidmat dalam bidang ketenteraan kecuali apabila kota mereka menghadapi ancaman musuh

Golongan Bawahan

- Rakyat biasa dan hamba menduduki hieraki yang terendah. Kebanyakan rakyat biasa adalah petani.
- Golongan hamba pula terdiri daripada tawanan perang dan orang tempatan yang dijual sebagai hamba sejak kecil lagi. Bagaimanapun jika mereka patuh kepada tuan mereka, mereka berpeluang untuk dibebaskan

Kesimpulan (2 markah)

Susun lapis dalam masyarakat telah menjadikan kehidupan kedua-dua masyarakat Mesir dan Mesopotamia lebih teratur. Kehidupan berorganisasi mampu mengatur cara hidup kedua-dua masyarakat tersebut bagi memastikan kestabilan dan kemakmuran kehidupan mereka.

8. Bandingkan dasar pendidikan yang terdapat dalam sistem pendidikan di Negara Kota Athens dan Sparta

Pengenalan (3 markah)

- Dasar pendidikan di Negara kota Athens memberikan perhatian kepada keseimbangan antara fizikal dan juga minda. Justeru bidang muzik, sukan dan seumpamanya amat digalakkan agar sesuai dengan aspirasi mereka untuk melahirkan warganegara yang mempunyai perkembangan yang sempurna
- Dasar pendidikan di kota Sparta lebih menjurus kepada melahirkan seorang individu yang mempunyai kebolehan dan menghargai kejayaan yang dicapai. Di samping itu dasar pendidikannya juga berhasrat melahirkan warganegara yang setia kepada Negara dan menjadi tentera yang disegani. Sehubungan itu dasar pendidikannya menitikberatkan latihan ketenteraan dan penggunaan senjata

Isi-isi Penting (20 markah)

Dasar Pendidikan di Athens (5 isi X 2 = 10 markah)

- Dasar pendidikan di Athens menekankan peringkat usia antara tujuh hingga 14 tahun. Kemudiannya ditingkatkan kepada 19 tahun
- Pendidikan adalah wajib walaupun dilaksanakan secara persendirian dan Negara menyediakan tenaga pengajar
- Semua sekolah adalah di bawah kelolaan Majlis Areopagus dan latihan gimnastik adalah diwajibkan
- Pendidikan seterusnya berkembang kepada aspek pidato, tatabahasa dan retorik. Guru yang mengajar dikenali sebagai sofis
- Penekanan di peringkat rendah adalah membaca, menulis, dan mengira sementara di peringkat menengah pendidikan retorik dan falsafah dikekalkan yang bertujuan untuk memudahkan pelajar memasuki perkhidmatan awam dan juga mendalamai bidang falsafah
- Apabila mereka berusia 15 tahun mereka dinilai melalui latihan fizikal dan apabila mencapai usia 18 tahun mereka telah menamatkan pendidikan dan mengangkat sumpah untuk menjadi warganegara yang setia dihadapan tuhan Aglaurus
- Dua tahun kemudiannya mereka akan mengikuti pendidikan dalam tugas-tugas ketenteraan sebelum mendapat warganegara penuh

Dasar Pendidikan Di Sparta (5 isi X 2 = 10 markah)

- Bertujuan melahirkan individu yang lasak. Justeru mereka menekankan aspek fizikal seperti berlari, melompat, dan bermain bola
- Selain itu kanak-kanak juga dilatih bergusti, melempar cakera dan merejam lembing
- Pendidikan dibahagikan kepada dua peringkat usia iaitu lapan tahun sehingga 18 tahun dan selepas 19 tahun
- Selepas usia 19 tahun mereka diajar cara bertempur. Apabila berusia 20 tahun mereka diarah untuk mempertahankan Negara dengan mengawal sempadan dalam tempoh 10 tahun sebelum mendirikan rumah tangga ketika berumur 30 tahun
- Golongan wanita pula dilatih oleh ibu mereka termasuklah bidang nyanyian dan tarian di samping latihan fizikal

- Tindakan tersebut dilakukan bertujuan membolehkan mereka melahirkan keturunan yang sihat serta membiasakan mereka untuk menjadi isteri dan ibu yang baik

Kesimpulan (2 markah)

Kedua-dua Negara kota mempunyai sistem pendidikan yang jelas berasaskan kepada keperluan masing-masing. Kota Sparta memberi penekanan kepada penyediaan untuk menjadi tentera dan mempertahankan Negara sementara Athens pula menjurus kepada keseimbangan dalam aspek fizikal dan kerohanian.

- 9. Bincangkan usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW di Kota Makkah serta sebab-sebab berlakunya penentangan Kaum Quraisy ke atas dakwah baginda**

Pengenalan [3 M]

1. Nabi Muhammad SAW dilahirkan dalam keluarga ternama masyarakat Quraisy iaitu keturunan Bani Hashim.
2. Baginda dilantik menjadi rasul pada 610 M.
3. Baginda menjalankan dakwah di kota Makkah selama 13 tahun dan usaha dakwah baginda di bahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat sembunyi dan peringkat terbuka.

B: ISI-ISI PENTING

i) PERINGKAT-PERINGKAT DAKWAH [3 X 3M = 9M]

1. **Peringkat pertama seruan secara sulit** - Seruan peringkat ini dimulakan setelah Nabi Muhammad SAW menerima wahyu yang kedua iaitu Surah al-Muddashir : ayat 1-7. Baginda mula menjalankan kegiatan dakwahnya secara sulit kepada keluarga dan sahabat-sahabat terdekat baginda. Baginda menjalankan dakwah secara sulit selama tiga tahun. Peringkat ini agama Islam diterima oleh sebilangan kecil penduduk Makkah. Pengajaran konsep peringkat sulit adalah untuk mewujudkan konsep berjaga-jaga dan berwaspada agar perlaksanaan dakwah peringkat awal tercapai dan berjaya. Orang yang pertama memeluk Islam ialah Siti Khadijah, Ali bin Abi Talib dan Abu Bakar al-Siddiq.
2. **Rumah al-Arqam dijadikan sebagai markas gerakan Islam**- Dengan adanya sambutan tersebut Nabi Muhammad SAW telah mencari pusat gerakan bagi mempertingkatkan lagi perkembangan Islam. Al- Arqam telah bermurah hati menyerahkan rumahnya untuk dijadikan sebagai pusat gerakan agama Islam.Rumah al Arqam terletak di Bukit Safa di Makkah. Di samping keluarga Nabi dan sahabat-sahabatnya, agama Islam telah diterima oleh golongan miskin dan hamba. Hasil dakwah Nabi Muhammad SAW bilangan penganut Islam bertambah sebanyak 40 orang.
3. **Peringkat Kedua seruan terbuka kepada keluarga Abdul Mutalib** - Nabi Muhammad SAW menjemput keluarga Abdul Mutalib menghadiri satu perjumpaan yang diaturkan oleh Ali B. Abi Talib di rumahnya. Tindakan ini dilakukan setelah Nabi menerima wahyu dari surah ash-Shua'rat ayat 214. Satu perjumpaan telah diadakan di Bukit Safa. Setelah baginda menerangkan dasar-dasar Islam, sebahagian daripada mereka menyatakan kesanggupan menerima Islam. Manakala sebahagian lagi menolak terutamanya Abu Lahab.
4. **Peringkat terbuka kepada orang ramai**- Apabila turun wahyu dari surah al-Hijr ayat 94. Dakwah secara terang –terangan ini telah diadakan di Bukit Safa Nabi Muhammad SAW telah memberi syaran kepada semua anggota kabilah Quraisy yang hadir. Antaranya Bani Hashim, Bani Abdul Manaf, Bani Zuhrah , Bani Tamim dan sebagainya. Seruan yang disampaikan oleh baginda telah diganggu oleh Abu Lahab iaitu bapa saudara nabi. Tindakan Abu Lahab ini telah menggagalkan dakwah Nabi Muhammad dan membawa kepada penentangan kaum musyrikin Makkah terhadap agama Islam. Seruan secara terbuka ini berlangsung selama 10 tahun sehingga baginda berhijrah ke Madinah.

ii) SEBAB-SEBAB PENENTANGAN [6 ISI X 2M = 12M]

1. **Pengekalan Kuasa** – Agama Islam mementingkan persamaan taraf sesama manusia. Mereka khuatir jika mereka memeluk agama islam kekuasaan Bani Hashim iaitu moyang Nabi Muhammad SAW akan terus kekal di Makkah.

2. **Takut akan Hari Pembalasan** - Mereka takut dengan hari pembalasan kerana mereka banyak melakukan maksiat. Bagi agama penyembahan berhala mereka hanya perlu membuat pengorbanan kepada berhala untuk menghapus dosa.
3. **Iri hati dengan kedudukan Nabi Muhammad SAW** - Mereka iri hati dengan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang nabi. Sedangkan beberapa orang pembesar Quraisy bercita-cita ingin menjadi nabi seperti Umaiyah Abi Sait dan al-Walid al-Mughirah yang mengaku menjadi nabi.
4. **Persamaan Taraf** – Dalam Islam kedudukan manusia disisi Allah SWT ialah orang yang bertakwa. Islam tidak mengira pangkat atau kedudukan seperti tuan dan hamba. Jika mereka menerima Islam, mereka tidak mempunyai keistimewaan lagi khususnya golongan pembesar dan bangsawan.
5. **Ingin mempertahankan Pusaka Nenek Moyang** - Mereka ingin mengekalkan amalan nenek moyang mereka meyembah berhala yang menjadi amalan berkurun-kurun lamanya.
6. **Kedudukan Ekonomi Terjejas** - Sekiranya mereka memeluk islam perusahaan membuat patung berhala yang menjadi sumber ekonomi mereka akan hilang.

KESIMPULAN [Markah]

Apa sahaja isi kesimpulan yang sesuai.

10. Khalifah Uthman Bin Affan sering menjadi sasaran tuduhan Orientalis Barat sebagai khalifah yang tidak berwibawa. Bincangkan

A : PENGENALAN [3 M]

1. Khalifah Uthman b.Affan merupakan khalifah yang ketiga dalam zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.
2. Semasa pemerintahannya, Khalifah Uthman telah melakukan beberapa perubahan dalam pentadbiran disebabkan perubahan dalam masyarakat.
3. Khalifah Uthman merupakan seorang yang bersifat lemah lembut dan beliau teraniaya menjadi sasaran fitnah dan tuduhan tidak berwibawa khususnya selepas enam tahun pemerintahannya oleh Orientalis Barat.
4. Berdasarkan asas-asas yang kukuh menunjukkan bahawa Khalifah Utman bin Affan berada di pihak yang benar dan segala tomahan Orientalis Barat ini boleh disangkal kebenarannya.

B : ISI-ISI PENTING

Tuduhan Orientalis Barat terhadap Khalifah Utman B. Affan [5 isi X 4 M =20 M]

a) Tuduhan pertama

- Uthman dituduh mengamalkan nepotisme (pilih kasih terhadap keluarganya). Anak saudaranya iaitu Abdullah bin Abi Sarah dilantik sebagai gabenor Mesir bagi mengantikan Amru al-As. Ada pihak yang mengatakan bahawa Abdullah adalah salah seorang daripada golongan yang murtad.
- Tindakan Khalifah Ultman melantik kaum keluarganya menjadi pegawai tinggi kerajaan kerana mereka lebih dipercayai. Pada zaman Khulafa' banyak perkara yang berkaitan dengan wilayah biasanya diselesaikan oleh Gabenor wilayah itu tanpa merujuk kepada khalifah atau kerajaan pusat di Madinah.
- Dalam keadaan Khalifah Uthman sudah lanjut usia, beliau amat memerlukan seorang gabenor yang benar-benar boleh dipercayai. Seandainya tidak dilantik sudah tentu lebih banyak kekalutan yang akan muncul.

b) Tuduhan kedua

- Khalifah Uthman hidup secara boros dan mengambil wang Baitulmal. Tuduhan mengatakan Uthman sebagai seorang khalifah yang telah membelanjakan wang yang banyak dengan mengambil wang Baitulmal. Malahan Uthman juga dituduh membelanjakan wang tersebut untuk diberikan kepada kaum keluarganya.
- Tuduhan ini adalah palsu dan tidak berasas sama sekali. Sedangkan semenjak zaman Jahiliah lagi beliau terkenal sebagai seorang dermawan dan hartawan. Oleh itu beliau tidak memerlukan wang Negara untuk kepentingan sendiri.
- Apabila beliau menjawat jawatan khalifah, beliau turut menerima segala kemudahan agar beliau tidak perlu melakukan perniagaan di luar untuk menampung sara hidup keluarganya. Oleh itu, harta benda dan wang yang dimilikinya telah diberikan kepada kaum keluarganya, termasuk Marwan bin al- Hakam.

c) Tuduhan ketiga

- Membenarkan para sahabat memiliki tanah di Iraq. Khalifah Uthman dituduh memberi tanah atau ladang kepada para sahabat dan ketua-ketua kabilah. Tanah-tanah tersebut dinamakan *Tanah Sawafi* iaitu tanah yang tidak bertuan. Malah beliau turut dituduh membenarkan para sahabat berhijrah keluar dari hijaz.
- Pada zaman Khalifah Umar, tanah Sawafi ini telah diamanahkan kepada *golongan ahl al - ayyam* iaitu sebahagian daripada para peserta yang tiba awal ke negari Iraq. Selain itu juga ramai lagi peserta yang tiba awal ke Iraq dan menyertai ekspedisi pembukaan negeri Iraq termasuk kaum Muhajirin, Ansar dan golongan bekas murtad. Mereka tidak memperolehi tanah

secara percuma , melainkan setelah dilakukan pertukaran dengan tanah yang mereka miliki di Semenanjung Tanah Arab.

- Oleh demikian tidak wajar sama sekali bagi golongan pemberontakan yang dikendalikan oleh sebilangan daripada golongan ahl al-ayyam (kemudiannya dikenali sebagai ‘al-Qurra’) memusuhi Khalifah Uthman kerana tindakan khalifah itu amat adil.
- Tetapi kerana sikap tamak dan rakus kaum pemberontak itu menyebabkan mereka menuduh khalifah sebagai zalim dan seterusnya bertindak membunuh Khalifah Uthman.

d) **Tuduhan keempat**

- Memihak kepada kaum Quraisy dan bekas murtad. Khalifah Uthman dituduh memihak kaum Quraisy akibat tindakan gabenorinya di Kufah iaitu Sa’id bin al-‘As yang mengistiharkan tanah di Iraq (*sawad*) adalah kepunyaan kaum Quraisy.
- Tindakan Sa’id tersebut selaras dengan jasa serta kedudukan kaum Quraisy yang sentiasa dipandang tinggi dan dihormati. Malahan sebelum itu hampir semua pemimpin yang dilantik, sama ada dalam tentera atau perkhidmatan awam adalah daripada kalangan keturunan Quraisy.

e) **Tuduhan kelima**

- Membakar naskah al-Quran. Khalifah Uthman juga dituduh mencemarkan kesucian al-Quran apabila beliau mengarahkan semua al-Quran yang ada dikumpulkan dan seterusnya dibakar. Tindakan beliau ini hanya semata-mata bagi mewujudkan sebuah naskah al-Quran yang seragam.
- Bagi melaksanakan tugas ini, beliau telah melantik sebuah jawatankuasa bagi mengkaji naskah-naskah al-Quran yang ditulis dan disebarluaskan pada waktu itu. Hasil kajian mereka mendapati bahawa terdapat pelbagai naskah al-Quran yang ditulis dengan pelbagai loghat tempatan dan disebarluaskan seluruh wilayah Islam. Keadaan ini sudah pasti menyulitkan pihak pemerintah.
- Khalifah Uthman memutuskan supaya diadakan hanya satu bentuk al-Quran sahaja, iaitu mengikut loghat Quraisy dan ia kemudiannya dinamakan *Mushaf ‘Uthmani*. Meskipun tindakan kahlifah Uthman itu wajar dan betul, namun projek itu dituduh sebagai satu percubaan beliau untuk meluaskan kuasa dalam bidang keagamaan. Sentimen ini muncul kerana wujud semangat kedaerahan dan kesukuan yang menebal di kalangan masyarakat Islam pada ketika itu.

C: PENUTUP [2 M]

1. Keseluruhan fitnah yang dibuat terhadap khalifah Uthman bin Affan tertumpu kepada sikap dan tindakan beliau , yang secara kebetulan beliau adalah berketurunan Bani Umaiyyah dan setiap tindakan telah dianggap salah oleh musuh-musuh Bani Umaiyyah.
2. Walaupun berat dan hebat tuduhan yang dilemparkan kepada beliau, khalifah Uthman bin Affan tetap sebagai khalifah ketiga pada zaman Khulafa al-Rasyidin yang berjasa dan merupakan sahabat Nabi Muhammad SAW yang dijamin memasuki syurga.

11. Bincangkan faktor-faktor termeterainya Perjanjian Hudaibiyah dan implikasinya

A : PENGENALAN [3 M]

1. Perjanjian Hudaibiyah telah termetrai pada tahun 6 H bersamaan 628 Masihi . Perjanjian Hudaibiyah merupakan perjanjian damai yang ditandatangani antara kaum Quraisy Makkah dengan orang-orang Islam pada bulan Zulkaedah.
2. Perjanjian ini dinamakan Hudaibiyah sempena nama tempat termetrainya perjanjian tersebut.
3. Dalam Perjanjian ini, orang-orang Quraisy diwakili oleh Suhail bin Amru, manakala orang-orang Islam diwakili oleh Nabi Muhammad SAW sendiri.

B : ISI-ISI PENTING [20 M]

a) Faktor-faktor termetrainya Perjanjian Hudaibiyah [5 isi X 2 M = 10 M]

1. Sikap permusuhan Quraisy dengan orang Islam

- Faktor termetrainya perjajian ini antaranya ialah sikap permusuhan Kaum Quraisy berterusan terhadap Islam meskipun Rasulullah SAW telah berhijrah ke Madinah. Terbukti orang Arab Quraisy telah berperang beberapa kali ke atas orang Islam. Kedatangan rombongan orang Islam yang tidak bersenjata lengkap dianggap sebagai usaha orang-orang Islam untuk menguasai Kota Makkah.

2. Kerinduan Nabi Muhammmad SAW dan Orang Islam pada Kota Makkah

- Faktor kerinduan Nabi Muhammad SAW dan orang Islam akan tanah air serta saudara-mara yang telah lama ditinggal juga antara sebab secara tidak langsung termeterainya perjanjian ini. Hasrat uamat Islam semakin mendalam apabila Nabi Muhammad SAW menceritakan bahawa baginda telah bermimpi mengerjakan tawaf di Kaabah.

3. Tindakan Quraisy menyekat rombongan Nabi Muhammad SAW

- Faktor seterusnya ialah tindakan Quraisy yang mengadakan sekatan terhadap rombongan Nabi Muhammad SAW memaksa rombongan umrah umat Islam terpaksa menyimpang ke Hudaibiyah. Walaupun Rasulullah SAW memaklumkan tujuan sebenar kedatangan umat Islam, namun rundingan tersebut mendatangkan jalan buntu termasuk menghantar utusan Uthman bin Affan.

4. Khabar angin Uthman bin Affan dibunuuh

- Khabar angin yang mengatakan bahawa utusan Rasulullah SAW, Uthman bin Affan telah dibunuuh oleh pemimpin-pemimpin Quraisy memaksa umat Islam sepakat mengadakan Baiah al-Ridwan untuk menuntut bela akan kematian Uthman bin Affan.

5. Sumpah setia umat Islam

- Sumpah setia yang dilakukan umat Islam telah mengerunkan golongan Quraisy yang akhirnya menghantar Suhail bin Amru untuk berunding dengan Nabi Muhammad SAW agar membatalkan serangan serta sedia berunding dengan umat Islam tentang kebenaran memasuki kota Makkah. Akhirnya syarat-syarat berikut di tandatangani kedua pihak;
 - Gencatan senjata selama 10 tahun
 - Mana-mana kabilah berhak menyebelahi sesiapa
 - Nabi Muhammad SAW perlu memulangkan kembali orang Makkah yang berhijrah ke Madinah tanpa kebenaran wali masing-masing, namun orang Quraisy tidak perlu memulangkan orang Madinah yang lari ke Kota Makkah.
 - Orang Islam hanya dibenarkan masuk ke Kota Makkah pada tahun berikunya, tidak lebih tiga hari.

b) **Implikasi perjanjian hudaibiyah [5 isi X 2 M = 10 M]**

1. Implikasi perjanjian Hudaibiyah yang penting selepas termetrainya perjanjian ini adalah bilangan umat Islam telah bertambah dua kali ganda. Walaupun pada mulanya umat Islam tidak bersetuju dengan syarat diberikan (rombongan Islam tidak dibenarkan masuk ke Makkah pada tahun tersebut dan hanya dibenarkan pada tahun hadapan) selepas mendengar penerangan Nabi Muhammad SAW, mereka kembali menerima syarat tersebut. Penerimaan syarat ini melambangkan Nabi ingin berbaik-baik dan tujuan ke Makkah ialah untuk beribadah.
2. Implikasi seterusnya memberi peluang kepada Nabi Muhammad SAW menunjukkan kekuatan Umat Islam dalam kalangan penduduk Makkah. Penerimaan syarat bahawa orang Makkah yang datang kepada pihak Islam Madinah perlu dikembalikan sebaliknya orang Madinah yang pergi ke Makkah tidak perlu dikembalikan tidak merugikan pihak Islam. Malahan ini menunjukkan pihak Quraisy Makkah telah mengiktirafkan Nabi Muhammad SAW sebagai ketua agama dan ketua kerajaan Madinah.
3. Implikasi seterusnya apabila umat Islam menerima syarat gencatan senjata selama 10 tahun ini melambangkan bahawa permusuhan antara Islam-Quraisy Makkah ditamatkan. Ini bermakna buat pertama kalinya umat Islam dapat mengcapai suasana aman seterunya membolehkan dakwah Islamiyah berkembang dengan meluas. Syarat ini juga membolehkan nabi Muhammad SAW menumpukan perhatian terhadap musuh-musuh lain seperti puak Yahudi dalam negara Islam Madinah sendiri dan musuh-musuh lain seperti Rom dan Parsi.
4. Ruang damai sepuluh tahun telah memberikan peluang kepada orang Quraisy menghayati dan mendalamai ajaran Islam. Kesannya ramai tokoh Quraisy menerima agama Islam sebagai agama pegangan antaranya Khalid al-Walid, Amru al-As dan Uthman bin Talhah. Ini juga adalah kesan tindakan Rasulullah apabila menghantar pulang orang Makkah sebenarnya ialah usaha dakwah untuk memperkenalkan kebaikan agama Islam.
5. Implikasi yang akhir membawa kepada peristiwa penting iaitu pembukaan kota Makkah telah membolehkan penguasaan umat Islam ke atas kota Makkah. Ekoran golongan Quraisy telah mencampuri konflik antara Bani Khuzaah (sekutu Islam) dengan Bani Bark. Orang Quraisy telah membunuh puak Bani Khuzaah menyebabkan Rasulullah SAW bertindak balas dengan menggerakkan tentera Islam seramai 10,000 orang untuk menguasai kota Makkah.

C : PENUTUP [2 M]

1. Perjanjian Hudaibiyah merupakan titik tolak kepada kekuasaan kerajaan Islam terhadap seluruh Semenanjung Tanah Arab. Ianya juga melambangkan kemerosotan kabilah Quraisy selama ini menyaingi kabilah-kabilah Arab lain.
2. Islam pula terus berkembang dengan meluas di luar Madinah. Kedudukan Islam semakin teguh dan Nabi Muhammad SAW berjaya menyatukan masyarakat di Makkah dan Madinah.

12. Jelaskan peranan zakat dalam Islam serta pelaksanaannya pada zaman Nabi Muhammad SAW hingga ke zaman Bani Umayyah.

A : PENGENALAN [3 M]

1. Zakat dari segi bahasa membawa maksud kesucian, kebersihan, keberkatan dan kepujian daripada perasaan tamak, bakhil dan sifat-sifat keji.
2. Zakat dari segi syarak puloa bermaksud sebahagian harta yang dikeluarkan untuk diagihkan kepada mereka yang berhak menerimanya. Zakat juga disebut sebagai *sadaqah*.
3. Perkataan Zakat kerap kali disebut di dalam al-Quran. Dalam ayat 110 dari surah al-Baqarah menyebutkan "Dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat". Memandangkan zakat termasuk dalam Rukun Islam, maka zakat mempunyai banyak peranan dan hikmah kepada pengeluar dan penerima.

B : ISI-ISI PENTING [20 M]

a) Peranan zakat [6 isi X 2 M = 12 M]

1. Mengeratkan tali persaudaraan dan hubungan umat Islam

- Fungsi zakat antaranya ialah mengeratkan tali persaudaraan dan hubungan umat Islam khususnya antara golongan kaya dengan golongan miskin. Pentingnya hubungan ini bukan sahaja membolehkan golongan tidak bernasib baik menjalani kehidupan dengan lebih sempurna, bahkan ia dapat menguatkan perpaduan umat Islam yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW sejak awal perkembangan Islam.

2. Membersihkan jiwa dan rohani serta melahirkan masyarakat yang berkerjasama.

- Sesuai dengan pengertian dari segi bahasa , peranan zakat seterusnya ialah ia dapat membersihkan jiwa dan rohani manusia yang kotor seperti bakhil, sompong mementingkan diri, sayangkan harta dan sebagainya. Hal ini bertepatan dengan apa yang terkandung dalam al-Quran dalam surah al-Mukminun, ayat yang keempat. Terhapusnya sifat-sifat ini akan melahirkan masyarakat yang lebih aman dan bahagia serta saling berkerjasama.

3. Sebagai medan ujian untuk mengawal hawa nafsu dan meningkatkan ketakwaan.

- Seterusnya peranan zakat ialah menjadi medan ujian bagi golongan kaya mempertingkatkan rasa *qana'ah* yang dapat membendung mereka dikuasai oleh hawa nafsu dan kemahanan yang tidak terbatas. Dengan terhapusnya sifat-sifat negatif maka akan lahir sifat pemurah, tolong-menolong yang merupakan simbol ketakwaan individu terhadap Allah.

4. Mendekatkan jurang sosial sesama manusia.

- Zakat dapat mewujudkan suasana yang harmoni antara golongan yang berada dengan golongan miskin. Pemberian zakat oleh individu berada dapat mendekatkan jurang sosial antara mereka. Orang miskin tidak akan berasa cemburu di atas kelebihan harta benda yang dimiliki oleh orang kaya. Manakala orang kaya pula dapat menunaikan tanggungjawab dan amanahnya terhadap Allah s.w.t. serta menandakan kesyukuran terhadap harta yang dimiliki.

5. Membersihkan harta seseorang daripada bercampur dengan harta lain.

- Pemberian zakat juga akan dapat membersihkan harta seseorang daripada bercampur dengan harta yang lain. Mengikut penilaian Islam , harta yang dimiliki oleh seseorang individu apabila setelah genap setahun dan cukup nisabnya, harta itu wajib dikeluarkan sebahagian daripadanya sebagai zakat dan diagihkan kepada mereka yang berhak. Seandainya harta itu tidak dizakatkan, sedangkan telah wajib dan dibelanjakan juga bermakna ia menggunakan hak orang lain.

6. Membantu golongan-golongan yang berhak menerima zakat (golongan Asnaf)

- Pemberian zakat ole seseorang individu akan diagihkan kepada golongan yang sepatut menerimanya iaitu golongan asnaf antaranya orang fakir, miskin, amil, mualaf , orang yang berhutang, orang yang berjihad dan musafir serta hamba yang ingin memerdekaan dirinya. Hikmah pemberian zakat akan dapat meringankan beban kehidupan bagi orang fakir dan miskin. Meringankan bebanan orang yang menanggung hutang, serta dapat membebaskan diri bagi hamba untuk menjadi manusia yang merdeka. Bagi orang mualaf akan dapat membuatkan hati mereka lebih terpikat kepada Islam. Bagi orang yang berjihad pula dapat membantu orang-orang yang berjuang untuk menegakkan kalimah Allah S.W.T. seperti berdakwah, menuntut ilmu dan berjihad.

b : Perlaksanaan Zakat [3 isi X 3 M = 9 M]

i) Zaman Nabi Muhammad SAW

- Pada zaman Nabi Muhammad SAW masih menetap di kota Makkah, zakat ketika itu berlandaskan konsep tolong-menolong dan membantu antara golongan berada dengan golongan miskin. Kewajipan zakat pada zaman itu berlandaskan kepada konsep pilihan (ikhtiar) tanpa dihadkan kepada kadar nisabnya dan jenis harta yang dikeluarkan. Nisab atau kiraan zakat lahir daripada kekuatan iman, keikhlasan dan kesedaran manusia itu sendiri. Kabilah yang mula-mula membayar zakat ialah Bani 'Adhrah dari Yaman terkenal sifat pemurah dan baik hati.
- Setelah dua tahun Nabi Muhammad SAW menetap di Madinah pada tahun 623 M, zakat difardukan secara *ijbari* (kuat kuasa) iaitu wajib ke atas umat Islam yang mampu antara bulan Syaaban hingga bulan Syawal. Bermula pada tahun itu, umat Islam yang mampu dan enggan membayar zakat dikenakan hukuman seperti hukuman bunuh atau dipaksa oleh pemerintah untuk membayarnya.

ii) Zaman Khulafa al-Rasyidin.

1. Pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq perintah zakat adalah tegas. Khalifah Abu Bakar telah mengistiharkan perang ke atas umat Islam yang enggan membayar zakat. Ternyata apabila nabi Muhammad SAW wafat, sebahagian Umat Islam mula mendakwa bayaran zakat tidak perlu dibayar. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq telah bertindak tegas dengan memerangi golongan enggan membayar zakat ini yang dilakukan oleh suku-suku Abs dan Zubyan di bawah pimpinan Malik al-Nuwairah.
2. Pada zaman khalifah Umar al-Khattab, perluasan kuasa dan kawasan pengaruh Islam telah bertambah. Dengan itu sumber ekonomi telah bertambah dan perlaksanaan zakat telah semakin terselar . Umar al-Khattab telah melakukan pembaharuan dalam bidang ekonomi dengan mendirikan sebuah 'Diwan' yang dikenali sebagai Baitul Mal untuk menguruskan urusan zakat dan cukai.

iii) Zaman Bani Umayyah

Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah menubuhkan institusi zakat dan telah melantik **amil** (pemungut zakat) untuk memungut zakat. Pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz, masyarakat Islam digalakkan bekerja keras dan bermuafakat serhinggalah mereka menjadi masyarakat yang kaya-raya. Kemakmuran masyarakat Islam dapat dilihat dengan jelas pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini tiada seorang pun yang layak menerima zakat.

1. Zakat pada Zaman Bani Umayyah dibahagikan kepada lima iaitu :
 - a. zakat emas dan perak dikenakan sebanyak 2.5 peratus
 - b. zakat binatang ternakan seperti kambing, unta dan lembu iaitu
 - setiap 40 ekor kambing, zakatnya seekor kambing bilangannya 100 ekor, jika 101-200 zakatnya seekor setiap 100 ekor
 - Bagi unta, setiap 5 ekor zakatnya seekor kambing, sehingga bilangannya 24 ekor; jika 25 ekor unta zakatnya seekor anak unta betina yang berumur setahun.
 - Bagi lembu atau kerbau, setiap 30 ekor zakatnya seekor anak betina yang berumur setahun, apabila sampai 60 ekor zakatnya seekor juga tetapi berumur dua tahun.
 - Kuda juga dikenakan zakat; jika sekiranya dijadikan sebagai perniagaan, dikenakan zakat perniagaan; tetapi jika dipelihara untuk kegunaan lain tidak dikenakan zakat.
 - c. Zakat barang perdagangan dikenakan 2.5 peratus, mengikut syarat-syarat zakat emas dan perak.
 - d. Zakat galian dan harta yang tertanam; jika dibuminya perang zakatnya $1/5$ tetapi jika di bumi aman 2.5 peratus.
 - e. Zakat tanaman dan buah-buahan; jika menggunakan siraman air hujan zakatnya $1/10$ dan jika diusahakan sendiri $1/20$.
2. Kerajaan Bani Umayyah telah menubuhkan sebuah jabatan iaitu Diwan al-Kharaj untuk mengutip cukai dan mengeluarkan perbelanjaan negara.

C : PENUTUP (1 Markah)

- Zakat telah menjadi sumber pendapatan penting kepada Negara dan masyarakat Islam sejak Zaman Nabi Muhammad SAW hingga ke hari ini. Peranan zakat sangat besar kepada umat Islam amnya dan setiap individu yang mengeluarkan zakat khususnya. Sebagai rukun Islam yang ketiga, menunaikan zakat tidak boleh dianggap ringan kerana pemimpin-pemimpin dahulu telah melaksanakannya dengan penuh ketegasan. Hari ini, pengamalan membayar zakat akan meningkatkan ketakwaan seseorang terhadap Allah s.w.t

13. Bincangkan perkembangan sistem pendidikan pada zaman Khulafa al-Rasyidin.

A : PENGENALAN (3 Markah)

1. Sistem pendidikan yang terdapat pada Zaman Khulafa al-Rasyidin adalah merupakan kesinambungan pendidikan yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW. Pendidikan adalah proses abadi bagi setiap insan untuk perkembangan mental dan fizikal supaya menjadi manusia yang sempurna di dunia dan akhirat.
2. Pemimpin dalam zaman Khulafa al-Rasyidin bukan sahaja dianggap sebagai pemimpin tetapi juga secara tidak langsung mempunyai kewajipan untuk mendidik umatnya ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat.
3. Peranan Khalifah lebih mencabar kerana agama Islam telah tersebar luas bukan sahaja di kota Madinah dan Makkah.

B : ISI –ISI PENTING (4 isi x 5 markah = 20 Markah)

i). Zaman Abu Bakar

1. Pendidikan pada Zaman Abu Bakar telah menumpukan kepada usaha mengumpulkan ayat-ayat al-Quran supaya tidak hilang. Beliau mempertanggungjawabkan Zaid bin Thabit untuk melaksanakan tugas ini. Tugas ini dilakukan ekoran kematian banyak penghafaz al-Quran dalam Perang Yamamah.
2. Seterusnya Abu Bakar turut melakukan penyebaran hadis. Masjid Nabawi telah dijadikan pusat mempelajari hadis.
3. Khalifah Abu bakar sering membuat lawatan ke masjid untuk menyampaikan ajaran Islam.
4. Menghantar guru-guru yang mahir untuk mengajar al-Quran dan hadis di masjid-masjid sekitar Madinah.

ii). Zaman Umar al-Khattab

1. Pada zaman Umar, beliau menggalakkan rakyat menuntut ilmu pengetahuan agama iaitu al-Quran dan hadis dan bidang-bidang lain seperti peribahasa Arab dan Syair.
2. Umar memperkenalkan pendidikan agama dengan empat cara iaitu;
 - Menyusun metodologi pengajaran agama yang sesuai dengan orang yang baru memeluk Islam.
 - Mengelakkan daripada salah faham tentang keimanan dan soal-soal ibadat
 - Melantik guru mengajar tentang isi al-Quran dan akidah
 - Pemimpin mestilah memastikan rakyat melakukan sembahyang Jumaat dan puasa pada bulan Ramadhan.
3. Umar sentiasa memberi nasihat kepada pelajar agar menjadi gedung buku, sumber buku dan memohon kepada Allah SWT supaya rezeki mereka bertambah.
4. Menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi di seluruh negara dan jajahan takluknya. Memerintah supaya ilmu tatabahasa Arab disusun.
5. Menghantar guru-guru yang mempunyai pengetahuan yang mendalam ke daerah-daerah dengan menjadikan kota Basrah dan Kufah sebagai pusat pengajian Islam.

iii). Zaman Uthman bin Affan

1. Semasa pemerintahan Khalifah Uthman bib Affan, umat Islam terutamanya golongan tentera bercanggah dalam bacaan al-Quran kerana perbezaan mashaf.
2. Sayidina Uthman telah mengarahkan Zaid bin Thabit supaya menyalin naskah al-Quran yang ada pada Hafsah binti Umar. Naskah ini adalah berpandukan hafalan para hafiz dan dirujuk kepada bacaan kaum Quraisy kerana al-Quran diturunkan dalam dialek kaum tersebut.
3. Kitab al-Quran telah dibukukan sebanyak 30 juzuk, dikenali sebagai **Mashaf Uthmani** yang telah digunakan sehingga hari ini.

Iv). Zaman Khalifah Ali bin Abu Talib

1. Pada masa pemerintahan Ali bin Abu Talib, berusaha menerbitkan **buku tatabahasa Arab** yang dijalankan bagi membantu orang Islam bukan Arab untuk mempelajari bahasa Arab.
2. Pendidikan untuk kanak-kanak pada peringkat awalnya dijalankan di **kuttab**. Kuttab ditubuhkan khusus untuk mengajar al-Quran dan prinsip-prinsip agama.
3. Kebanyakkan Kuttab berpusat di Makkah dan Madinah tetapi telah berkembang selari dengan perluasan wilayah Islam.
4. Terdapat khuttab yang didirikan bersambungan dengan masjid dan juga berasingan. Mata pelajaran yang diajarkan di khuttab ialah al-Quran dan sunah.
5. Manakala mata pelajaran yang lain diajar ialah tatabahasa Arab, kesusastraan Arab, sejarah dan seni khat.

C : PENUTUP [1 M]

1. Perkembangan pendidikan pada zaman Khulafa al-Rasyidin merupakan kesinambungan daripada pendidikan zaman Nabi Muhammad SAW. perkara yang utama diberi perhatian ialah mata pelajaran al-Quran dan hadis. Tempat pengajian tertumpu di masjid sekitar Madinah.

14. Bincangkan faktor-faktor yang membawa kemunculan mazhab dalam Islam dan kesannya.

A : PENGENALAN [3 / 4 M]

1. Sejarah kemunculan mazhab dalam Islam secara rasminya bermula pada akhir pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan.
2. Namun begitu jika diteliti dengan lebih mendalam kewujudan golongan pemikir dalam Islam telah pun ada pada zaman Rasulullah SAW. Terbukti berlaku perselisihan pendapat di mana jasad Nabi Muhammad SAW akan dimakamkan, krisis kepercayaan Baginda SAW wafat dan sebagainya.
3. Kemunculan golongan-golongan pemikir Islam kian jelas apabila timbulnya peristiwa Tahkim yang membawa kemunculan golongan Syiah dan golongan Khawarij.
4. Akhirnya akibat perkembangan masa, muncul lagi pemikir atau mazhab lain seperti Muktazilah, Jabariyah, Murjiah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

B : ISI- ISI PENTING

a). Faktor-faktor yang membawa kemunculan mazhab dalam Islam (5 isi x 3 Markah = 15 M)

1. Tafsiran ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah yang berbeza-beza merupakan antara sebab utama timbulnya pelbagai mazhab dalam Islam. Ditambah pula dengan keadaan di mana bukan semua umat Islam hidup sezaman dengan Rasulullah SAW. Semakin jauh dari zaman Rasulullah SAW, perselisihan pendapat di kalangan orang Islam semakin ketara.
2. Pergeseran politik khususnya sesama umat Islam juga adalah faktor muncul pelbagai mazhab dalam Islam. Contoh yang paling ketara ialah antara penyokong muawiyah bin Abu Sufyan dengan khalifah Ali bin Abi Talib yang membawa kemunculan golongan pro Bani Umayyah yang berhasrat menjatuhkan Khalifah Ali bin Abi Talib. Khalifah Ali telah dituduh bersubahat dengan pembunuhan Khalifah Uthman bin Affan yang merupakan ahli keluarga Bani Umayyah. Keadaan bertambah parah apabila berlaku perang saudara seperti Perang Jamal dan Perang Siffin serta Majlis Tahkim. Ekoran peristiwa ini telah membawa kemunculan golongan Syiah dan Khawarij.
3. Pengaruh dari Parsi, Yunani dan Rom turut membawa kemunculan mazhab di kalangan Umat Islam. Selepas berlaku perluasan jajahan takluk Islam, lahir aliran Murjiah dan Muktazilah. Fahaman Muktazilah dipengaruhi oleh Yunani yang mementingkan kebebasan berfikir. Ekoran lahir permikir Muktazilah, timbul pula aliran yang dikenali sebagai ahli sunnah wal jamaah.
4. Sikap taasub terhadap keluarga dan puak juga merupakan antara faktor kemunculan mazhab dalam Islam. Sebagai contoh kelahiran golongan Khawarij berpunca daripada sikap agresif beberapa individu yang enggan mematuhi arahan pemimpin (khalifah). Di kalangan golongan Khawarij ini muncul pula beberapa aliran seperti Azariyah, Najdiyah, al-Ibadiyah dan Safariyah. Golongan Syiah pula muncul kerana terlalu mengagumi dan menyanjungi Ali bin Abi Talib.
5. Faktor kesedaran perlunya membetulkan fahaman yang ekstrem turut menyumbang kepada kelahiran mazhab dalam Islam iaitu ahli sunnah wal jamaah. Kesedaran membala hujah

Muktazilah, menyebabkan Imam Ahmad bin Hanbal memperkenalkan mazhab ini. Golongan ini banyak menggunakan hadis untuk berhujah dan menentukan hukum.

b). Kesan-kesan timbul pelbagai mazhab (3 isi X 2 markah = 6 M)

1. Kewujudan pelbagai mazhab dalam Islam membawa perkembangan positif khususnya aspek ilmu pengetahuan. Ia juga membawa kepada bertambahnya bilangan pemikir Islam akibat daripada timbulnya isu-isu baru dalam kelompok umat Islam, contohnya Imam al-Ghazali.
2. Kesan seterusnya dengan kemunculan mazhab ialah membolehkan umat Islam beramal dengan mudah menerusi ijтиhad ulama-ulama mereka. Contohnya, sewaktu menunaikan ibadat haji di Makkah, umat Islam dibenarkan menukar mazhab semata-mata untuk menyempurnakan ibadat tersebut tanpa sebarang kesulitan.
3. Namun begitu, kelahiran pelbagai mazhab turut menimbulkan kesan negatif, antaranya kemunculan puak pelampau atau ekstrem yang boleh menyebabkan ketidakstabilan kerajaan Islam dan melemahkan perpaduan sesama umat Islam. Contohnya kemunculan puak khawarij boleh diibaratkan sebagai duri dalam daging kerajaan Bani Umayyah. Begitu juga puak Syiah yang bekerjasama dengan keluarga Abbasiyah melancarkan revolusi terhadap kerajaan Bani Umayyah.

C : PENUTUP (2 / 1 Markah)

1. Kewujudan pelbagai mazhab dalam Islam bukan sekadar melahirkan pemikir-pemikir Islam yang kritis, malah turut meninggalkan kesan yang amat mendalam khususnya dalam bidang politik.
2. Walau apa pun mazhab yang muncul, namun umat Islam tetap mengesakan Allah SWT.

15. Bincangkan perkembangan dan fungsi seni khat dalam Tamadun Islam.

A : PENGENALAN (3 Markah)

1. Seni ialah sebahagian daripada kebudayaan yang membawa erti sesuatau yang indah, halus, lembut senang ditutur, senang dilihat dan menerangkan sesuatu.
2. Kesenian ialah sesuatu ungkapan rasa halus dan suci yang mengandungi unsur-unsur keindahan atau segala sesuatu yang indah.
3. Menurut Dr. Sidi Ghazalba , seni adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok masyarakat yang mempunyai fitrah semula jadi yang cinta seni dan yang boleh memberi ketenangan hati melalui pancaindera rasa.

B : ISI - ISI PENTING

a). Perkembangan seni khat Tamadun Islam (6 isi X 2 markah = 12 Markah)

1. Kaligrafi berasal daripada perkataan Latin, iaitu **kalias** yang bererti indah dan **graph** yang bererti tulisan atau aksara. Kaligrafi ertinya tulisan indah. Kaligrafi di kenali juga sebagai ‘Seni Khat’. Khat berasal daripda perkatan Arab yang bererti sebagai ‘garis indah’. Istilah kaligrafi digunakan untuk semua jenis tulisan. Manakala istilah khat pula merujuk tulisan al-Quran atau tulisan Arab.
2. Terdapat beberapa pendapat dalam menentukan asal usul seni khat, antaranya seni khat adalah anugerah Allah SWT kepada manusia. Allah SWT mengajar ilmu dan cara menulis kepada Nabi Adam a.s. dan kemudiannya diwarisi manusia turun menurun hingga ke hari ini. Ibnu Khaldun mengatakan, seni Khat ialah tulisan masnad yang berasal dari Yaman, kemudian berpindah kepada keluarga al-Munzid di Herat semasa Kerajaan Saba’ dan Himyar.
3. Pendapat lain pula mengatakan seni khat berasal dari Herat dan akhinya ke Hijaz. Satu lagi mengatakan ia berasal dari Finiqi yang diambil daripada huruf Mesir purba. Namun kebanyakkan ahli sejarah bersetuju dengan pendapat mengatakan seni khat berasal daripada tulisan Nabati yang telah sampai ke Hijaz. Pertama, melalui jalan dekat, dari Nabati ke Batra, ke Madinah dan Makkah. Kedua, jalan jauh, iaitu melalui Harran ke Lembah Furat, ke Daumatul Jandaj, ke Madinah, Makkah dan Taif. Seni Khat dibawa oleh pedagang-pedagang Quraisy yang berniaga ke Syam dan Iran.
4. Tulisan Arab tersebar ke seluruh dunia Islam seperti Negara-negara Afrika, Timur jauh dan Asia termasuklah Asia Tenggara seperti kerajaan Melaka, Acheh, Jawa dan lain-lain lagi. Bagi negara yang sudah ada tulisan sendiri, tulisan Arab mempengaruhi tulisan mereka seperti tulisan Urdu di India. Proses mempengaruhi ini berkembang dengan pesat berikutan dengan berkembang pembelajaran al-Quran.
5. Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab(13 -23 H) penyebaran tulisan Arab berlaku dengan pesat, sementara sewaktu pemerintahan Khalifah Ali bin Abi Talib (35 – 40 H), Bandar Kufah telah menjadi pusat perkembangan seni khat Islam. Seni khat yang berkembang di Kufah ialah seni khat tertua dalam sejarah seni khat dari jenis khat kufi sempena nama Bandar Kufah.

6. Seni khat berkembang dengan pesatnya pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah. Pada zaman ini, terdapat 12 jenis seni khat. Khat yang tertua sekali ialah khat kufi, nasakh, thuluth, rihan, muhaqqaq, tauqi', riq'ah, diwani, ta'liq, nasta'liq, farisi dan diwani jali.
- Ibrahim al-Syujairi menghasilkan jenis al-jalil, al-thuluthain dan al-thuluth
 - Yusuf al-Syujairi pula menghasilkan khat jenis al-riyasi
 - Muhammad al-Samsari dan Muhammad bin Asad mahir mahir dalam membaiki khat nasakh dan tauquia'ah.
 - Muhammad bin Muqalam seorang menteri Kerajaan Bani Abbasiyah merupakan individu yang mahir dalam khat jenis al-duri
 - Al-Hassan al-Naqulah mahir dalam khat nasakh.
 - Abu Hasan Ali bin Hilal atau Ibnu Bawwah pakar dalam kaedah penulisan khat, dan sementara pula Syeikh Jamaluddin Yaqut al-Mustakim seorang yang pakar dalam khat
 - Syeikh Abu Haiyan Ali bin Muhammad al-Abbas al-Tawhidi al-Kufi al-Baghdad telah menghasilkan sebuah karya yang mencatatkan cara bagaimana menulis khat yang baik. Antara kaedah tersebut mestilah menggunakan qalam (pensel) yang baik, tahqiq, tahwiq, ta'riq, takhriq, tasyiqiq, tawfiq, tanmiq, tadfiq dan tafriq.

b). Fungsi Khat (4 isi X 2 markah = 8 markah)

1. Fungsi khat antaranya ialah menulis ayat-ayat al-Quran dalam bentuk yang paling indah, digunakan dalam semua bentuk seni bina yang berkaitan dengan Islam serta sebagai hiasan bangunan seperti masjid, makam dan istana dengan menggunakan susunan batu, ukiran batu, tembikar dan lain-lain. Antara bangunan termasyhur yang dihiasi seni khat ialah Masjid Jamek Isfahan di Iran dan istana al-Hamra di Granada Sepanyol.
2. Kepentingan seni khat antaranya menjadi alatan penerangan dan bahan penyatuan seni . Tulisan jawi yang digunakan di Alam Melayu adalah berdasarkan kepada khat Arab dengan tambahan empat huruf iaitu ***nga, cha, ga*** dan ***nya***. Contoh penggunaan khat yang tertua di Malaysia terdapat pada batu bersurat yang dijumpai di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303 Masihi.
3. Seni khat berkaitan dengan peningkatan tahap tamadun itu sendiri kerana seni khat merupakan hasil masyarakat yang maju dan bertamadun. Keindahan dan keunikan tulisan khat merupakan kelembutan jari dan kehalusan pemikiran serta cita rasa khat. Syaidina Ali bin Abi Talib pernah berkata , ‘Serikan anak-anakmu dengan ilmu seni tulis kerana tulisan merupakan perkara yang paling mustahak dan menyeronokkan’.
4. Ia merupakan satu bentuk kesenian Islam yang begitu unik dan sukar dikuasai oleh umat selain daripada umat Islam. Khat adalah warisan kesenian Islam yang dipraktikkan bersama-sama turunnya wahyu Allah kepada Rasulullah SAW.

C : PENUTUP (2 Markah)

1. Seni khat adalah salah satu cabang kesenian yang indah dan menarik dalam masyarakat Islam.
2. Ia merupakan satu seni yang bebas daripada perkara yang boleh memesongkan seperti seni muzik dan seni lukis kerana ia adalah berlandaskan tulisan Arab, iaitu tulisan al-Quran.

16. Bandingkan matlamat penjelajahan dan penerokaan antara masyarakat Islam dan Barat abad ke 15-16 Masihi.

A : PENGENALAN (3 Markah)

1. Penjelajahan bermaksud perihal menjelajah, mengeliling atau berjalan-jalan ke merata-rata tempat atau daerah.
2. Penerokaan bermaksud menyelidiki, menjelajah, menjalani, menempuh dan mengharungi.
3. Penjelajahan dan penerokaan Eropah bermula daripada penciptaan peta dunia dari Tamadun Rom. Manakala penjelajahan dan penerokaan Islam bermula apabila nabi Muhammad SAW melakukan Hijrah ke Madinah sebagai asas penerokaan dan penjelajahan.
4. Abad ke 15 dan 16 Masihi merupakan era kemuncak aktiviti penjelajahan dan penerokaan bagi masyarakat Islam dan juga Negara Eropah.

B : ISI - ISI PENTING (20 m)

a). Matlamat penjelajahan dan penerokaan masyarakat Islam (5 isi X 2 m = 10 m)

1. Salah satu matlamat penjelajahan dan penerokaan Islam adalah kerana dorongan al-Quran sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud ‘Katakanlah berjalan di muka bumi, maka perhatikan bagaimana Allah s.w.t mencipta (manusia) dari permulaannya. Kemudian Allah s.w.t menjadikannya sekali lagi “ (al- Ankabut : 20) . Melalui aktiviti ini, ia akan dapat menambahkan keimanan dan ketaqwaan terhadap Allah s.w.t setelah memerhatikan ciptaan-Nya dan proses perlaksanaannya.
2. Matlamat berikutnya , umat Islam dapat mengambil iktibar ke atas masyarakat terdahulu di samping menghayati peninggalan tamadun Islam. Sebagai contoh umat Islam akan insaf apabila melihat peninggalan kaum Thamud da ‘Ad serta Laut Mati ekoran tindak tanduk manusia yang ingkar terhadap ajaran-Nya.
3. Malamat untuk menyebarkan agama Islam juga merupakan berlakunya penjelajahan dan penerokaan masyarakat Islam. Usaha dakwah melalui aktiviti ini berlangsung bukan sahaja kerana utusan para pemerintah semenjak zaman Rasullullah s.a.w. bahkan kerana inisiatif pendakwah-pendakwah sendiri, misalnya Syeikh Abdul Aziz berjaya mengislamkan Melaka dan seklumpulan wali dikenali sebagai Wali Songo berjaya mengislamkan Pulau Jawa dan mendirikan kerajaan Islam.
4. Penglibatan aktiviti penjelajahan dan penerokaan masyarakat Islam juga bermatlamat untuk memakmurkan alam dengan aktiviti ekonomi dan perdagangan. Selain umat Islam dapat memperkenalkan kaedah perniagaan dalam Islam yang berdasarkan konsep keadilan dan kejujuran.
5. Matlamat berikutnya adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang geografi, astronomi dan pelayaran. Selepas wilayah kekuasaan dan agama Islam berkembang di China dan India, pengetahuan umat Islam mengenai bumi kian bertambah. Lantaran itu, muncul beberapa tokoh yang terkenal seperti al-Istakhri , al- Mas’udi , Ibnu Hawqal, al-Idrisi dan sebagainya. Selain itu juga perkembangan ilmu pengetahuan turut berlaku dalam bidang perubatan khususnya pada masa pemerintahan Bani Umayyah dan Bani Abassiyah. Banyak ilmu perubatan umat Islam ditimba terutama daripada orang-orang

asing seperti Parsi, Kristian , Yahudi, Yunani , India dan Mesir. Kesannya, ilmu perubatan Islam lahir daripada intergrasi antara teori-teori perubatan Yunani dan pengalaman bangsa Parsi dan India.

6. Matlamat untuk mengukuhkan politik juga adalah sebab penjelajahan dan penerokaan masyarakat Islam berlaku. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, Islam telah sampai dan bertapak di sempadan China, India , Asia Tengah, Utara Afrika dan Sepanyol. Penguasaan politik Islam sebenarnya telah berlaku pada zaman Khalifah Umar al-Khattab lagi.
7. Akhirnya matlamat untuk memenuhi perasaan ingin tahu turut membawa umat Islam melakukan penjelajahan dan penerokaan khususnya tempat yang jauh dari petempatan mereka. Contohnya Ibnu Batutta berjaya merentasi pelbagai pengairan antarabangsa untuk memenuhi cita-citanya. Antara kawasan yang dijelajahinya termasuk Maghribi, Algeria, Tunisia , Libya, Makkah, Selatan Iraq, Anatolia, Yaman, Afrika Timur, Turki dan lain-lain tempat. Bagi al-Masudi pula, tujuan pelayarannya adalah untuk menandingi pencapaian tamadun Yunani.

Perbandingan matlamat penjelajahan dan penerokaan masyarakat Eropah abad 15-16 M

(5 isi X 2 markah = 10 m)

1. Ekonomi

- Berbanding dengan matlamat masyarakat Islam, orang Eropah melakukan penjelajahan dan penerokaan kerana ingin mendapatkan bahan mentah daripada negara-negara lain. Bangsa Eropah memerlukan barang khususnya rempah-ratus, ubat- ubatan dan kapas.
- Negara Portugal dan Sepanyol ingin mencari jalan laut ke Timur untuk memperoleh barangan tersebut pada kadar harga yang rendah dan sekaligus memecahkan monopoli saudagar-saudagar Islam.
- Pada masa yang sama juga ingin mencari pasaran untuk memperdagangkan barang keluaran tempatan mereka.

2. Agama

- Berbandingkan matlamat dengan masyarakat Islam, masyarakat Eropah juga mempunyai matlamat penjelajahan dan penerokaan untuk menyebarkan agama kristian ke luar Eropah.
- Terdapat kepercayaan bahawa Prester John ,seorang tokoh lagenda Kristian menujuhkan kerajaan di Asia atau di Afrika.
- Semangat ingin membala dendam orang kristian terhadap Islam akibat kekalahan mereka dalam Perang Salib.

3. Politik

- Masyarakat Eropah turut mempunyai matlamat untuk memastikan supaya pengaruh politik sesuatu tamadun dapat tersebar luas ke kawasan lain.
- Masyarakat barat ingin menyaingi pengaruh politik daripada tamadun lain contohnya antara orang Eropah dengan orang Islam.

4. Semangat inkuiri (ingin tahu)

- Zaman Renaissance telah merubah cita-cita dan pemikiran bangsa Eropah.
- Muncul zaman baru yang menekankan kepentingan sains dan teknologi serta kebebasan berfikir manusia.
- Penjelajahan dan penerokaan orang Barat adalah juga kerana lahirnya semangat ingin tahu untuk meneroka kawasan-kawasan baru yang belum pernah diterokai. Aktiviti ini menjadi mudah dengan penemuan sains dan teknologi yang dicipta seperti bantuan kompas magnetik dan kapal berkuasa wap yang kukuh.

5. Memenuhi Galakan Pemerintah.

- Matlamat penjelajahan dan penerokaan barat turut didorong oleh sokongan daripada pihak pemerintah.
- Misalnya, Raja Henry dari Portugal amat cenderung dalam aktiviti pelayaran dan mendorong rakyatnya untuk meneroka ke kawasan-kawasan baru.
- Galakan pemerintah ini telah membawa kepada lahir tokoh-tokoh pelayaran Barat seperti Vasco da Gama dan Christopher Columbus.

C : PENUTUP (2 Markah)

- Kesimpulannya penjelajahan dan penerokaan Islam memberi tumpuan membebaskan manusia daripada cengkaman penjajahan dan kejahilan dengan cara penyebaran Islam, ilmu serta memakmurkan bumi Allah s.w.t. menerusi ekonomi dan perdagangan.
- Hal ini bertentangan dengan penjelajahan masyarakat barat yang mementingkan semata-mata tuntutan dunia yang berpaksi kepada 3G (gold , glory dan gospel) .